

LAPORAN PROGRAM OUTREACH BIL. 03/2019

SEBERANG TOK PI *PLOGGING CHALLENGE*

1.0 LATAR BELAKANG

Program ini adalah anjuran Persatuan Penduduk Seberang Tok Pi dan Pusat Khidmat Rakyat DUN Kuala Perlis dengan kerjasama Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) Negeri Perlis serta agensi lain. Program ini telah diadakan seperti ketetapan berikut :

Tarikh	:	31 Mac 2019 (Ahad)
Masa	:	7.30 pagi hingga 12.00 tengahari
Tempat	:	Kampung Seberang Tok Pi, Kuala Perlis, Perlis

2.0 TUJUAN

- 2.1** Program ini adalah jemputan kerjasama oleh Persatuan Penduduk Seberang Tok Pi yang merupakan penerima Geran Komuniti bagi tahun 2018. Program kemasyarakatan ini merupakan inisiatif pertubuhan tersebut untuk memberi kesedaran kepada penduduk Kuala Perlis dalam mewujudkan kawasan kejiranan yang bersih dan memupuk hubungan serta jalinan kerjasama antara pertubuhan dengan agensi kerajaan dan penduduk setempat.
- 2.2** Program ini dilaksanakan dalam format pertandingan yang telah disertai oleh 50 kumpulan di kalangan ahli persatuan, penduduk kampung, wakil dari agensi kerajaan seperti SWCorp, Perkeso, LKIM, AADK dan kakitangan JPPM Negeri Perlis, agensi swasta iaitu E-Idaman dan Shorubber serta penuntut pusat pengajian dari KUIPs, IKBN dan UITM Perlis.
- 2.3** JPPM Negeri Perlis telah menyediakan sarapan pagi kepada peserta dan urusetia yang hadir bagi menjayakan program tersebut. Peralatan gotong-royong telah disediakan oleh Shorubber, SWCorp dan E-Idaman manakala makanan tengahari disediakan oleh Persatuan Penduduk Seberang Tok Pi. Hadiah kepada pemenang dan cabutan bertuah telah disumbangkan oleh Pusat Khidmat DUN Kuala Perlis.

LAPORAN PROGRAM OUTREACH BIL. 03/2019

SEBERANG TOK PI *PLOGGING CHALLENGE*

3.0 OBJEKTIF

- Penglibatan secara langsung dengan aktiviti yang dianjurkan oleh pertubuhan demi merakmatkan perkhidmatan awam.
- Menggalakkan sikap kesukarelawan dalam menjaga kebersihan di samping mengamalkan gaya hidup sihat.
- Mewujudkan kerjasama erat antara warga JPPM Negeri Perlis dengan pertubuhan, penduduk setempat dan agensi kerajaan yang lain.
- Mewujudkan komunikasi dua hala dan kerjasama erat antara JPPM Negeri Perlis dan agensi kerajaan negeri serta pusat pengajian ; dan
- Sebagai platform untuk memantapkan lagi hubungan diantara JPPM Negeri Perlis dengan pertubuhan melalui aktiviti turun padang.

4.0 PENGLIBATAN DAN PENYERTAAN

4.1 JEMPUTAN

Surat jemputan anjuran bersama oleh Pusat Khidmat Rakyat DUN Kuala Perlis bertarikh 22 Mac 2019 telah dihantar melalui emel kepada JPPM Negeri Perlis.

4.2 JUMLAH PENYERTAAN

Seramai 170 orang telah terlibat iaitu 150 orang peserta dan 20 orang urusetia terdiri dari kalangan ahli-ahli persatuan, penduduk-penduduk kampung, wakil dari agensi kerajaan dan penuntut pusat pengajian.

5.0 AKTIVITI YANG DIJALANKAN

- 5.1 Bhg 1 – Ucapan Alu-Aluan oleh YB Nor Azam Bin Karap, Ahli DUN Kuala Perlis dan Persamian oleh YB Noor Amin Bin Ahmad, Ahli Parlimen Kawasan Kangar. Juga diberikan sedikit penerangan kepada peserta berkenaan syarat-syarat pertandingan oleh pihak urusetia.

LAPORAN PROGRAM OUTREACH BIL. 03/2019

SEBERANG TOK PI *PLOGGING CHALLENGE*

- 5.2 Bhg 2 – Pertandingan *Plogging Challenge* telah berlangsung di sekitar kawasan Kampung Seberang Tok Pi, Kuala Perlis, Perlis mengikut sempadan yang telah ditetapkan oleh pihak urusetia.
- 5.3 Bhg 3 – Taklimat daripada wakil-wakil agensi iaitu JPPM Negeri Perlis, AADK, E-Idaman, SWCorp dan PERKESO. JPPM Negeri Perlis telah diwakili oleh Encik Mohd Asri Bin Khamis yang memberikan taklimat ringkas mengenai fungsi jabatan, cara-cara mendaftar pertubuhan secara online serta mempromosikan Geran Komuniti (G-KOM) 2019.
- 5.4 Bhg 4 – Sesi cabutan bertuah dan majlis penyampaian hadiah kepada pemenang yang berjaya mengutip sampah paling berat yang disempurnakan oleh Pegawai daripada JPPM Negeri Perlis, PERKESO, AADK, dan SWCorp.

6.0 IMPAK/HASIL

- ✓ Sebanyak 3256.4kg sampah telah berjaya dikutip di sekitar kawasan Kampung Seberang Tok Pi.
- ✓ Semangat kesukarelawan dan amalan gaya hidup sihat dapat diterapkan di kalangan kakitangan jabatan dan masyarakat setempat.
- ✓ Sebagai platform untuk mempromosikan Geran Komuniti (G-KOM) 2019 disamping memperkenalkan fungsi jabatan dan mengajak orang awam untuk mendaftarkan pertubuhan.
- ✓ Hubungan di antara JPPM Negeri Perlis, pertubuhan, penduduk-penduduk kampung, agensi kerajaan dan penuntut pusat pengajian dapat dieratkan.

LAPORAN PROGRAM OUTREACH BIL. 03/2019

SEBERANG TOK PI *PLOGGING CHALLENGE*

7.0 GAMBAR SEKITAR PERJALANAN PROGRAM



Foto 1. Semasa sesi pendaftaran peserta



Foto 2. Majlis Perasmian oleh YB Noor Amin Bin Ahmad, Ahli Parlimen Kawasan Kangar

LAPORAN PROGRAM OUTREACH BIL. 03/2019
SEBERANG TOK PI *PLOGGING CHALLENGE*



LAPORAN PROGRAM OUTREACH BIL. 03/2019 SEBERANG TOK PI *PLOGGING CHALLENGE*



Foto 3, 4 & 5. Semasa Sesi Gotong-Royong berlangsung



Foto 6. Taklimat ringkas pendaftaran pertubuhan oleh Encik Mohd Asri Bin Khamis, Pegawai Pendaftaran JPPM Negeri Perlis

Disediakan oleh :

SITI NOOR ASHIEKAH BINTI HAMAT

Penyelaras Program

Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia Negeri Perlis

02 APRIL 2019